

## PENGGUNAAN NOMBOR BIL SEBAGAI RUJUKAN BAYARAN BAGI CUKAI AKTIVITI PERNIAGAAN LABUAN (CAPL) MULAI 1 APRIL 2024

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) dengan ini memaklumkan bahawa bayaran Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan (CAPL) boleh dibuat dengan menggunakan Nombor Bil sebagai rujukan bayaran mulai **1 April 2024**.

Nombor Bil tersebut boleh diperolehi dengan mengemukakan permohonan kepada Seksyen Antarabangsa Labuan, HASiL Sabah. Ia boleh dibuat menerusi kaedah seperti yang berikut:

- a. Membuat pengiraan kadar cukai dan amaun bayaran terlebih dahulu mengikut tahun taksiran;
- b. Mengisi maklumat yang diperlukan dalam borang permohonan berkenaan; dan
- c. Mengemukakan borang permohonan yang diisi dengan lengkap ke seksyen berkenaan untuk diproses bagi janaan Nombor Bil. Nombor Bil yang dijana akan dimaklumkan kepada pembayar cukai melalui Slip Pembayaran.

Borang permohonan adalah tertakluk kepada satu tahun taksiran dan satu kadar cukai sahaja. Sekiranya bayaran melibatkan beberapa tahun taksiran, permohonan hendaklah dibuat dengan mengisi borang secara berasingan.

Bayaran menggunakan Nombor Bil boleh dibuat melalui **Portal ByrHASiL** <https://byrhasil.hasil.gov.my> > **Pilihan Bayaran > Bayaran Menggunakan Nombor Bil.**

Maklumat lanjut berkaitan permohonan Nombor Bil ini boleh dirujuk kepada manual pengguna yang boleh dicapai melalui **Portal MyTax** <https://mytax.hasil.gov.my/> > **Panduan Pengguna > Manual Penggunaan Permohonan Nombor Bil CAPL.**

Sebarang pertanyaan serta maklum balas, sila hubungi kami menerusi:

- a) Hasil Contact Centre (HCC) di talian 03-8911 1000 / 603-8911 1100 (Luar Negara);
- b) HASiL Live Chat; atau
- c) Borang Maklum Balas di portal rasmi HASiL di pautan pantas

<https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/MaklumBalas/ms-my/public>.

**SEKIAN, TERIMA KASIH.**

**ESCALATE THE PASSION**

---

**Dikeluarkan Oleh:**  
**Bahagian Perhubungan Awam dan Multimedia | Jabatan Khidmat Korporat**  
**Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

Hasil Contact Centre: 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (luar negara)  
Portal Rasmi : [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my)

**Tarikh: 29 Mac 2024**